

# Message from the Prime Minister Tun Abdul Razak



Saya ucapkan syabas kepada pegawai-pegawai Keretapi Tanah Melayu, atas usaha mengadakan Minggu Keretapi mulai dari 25hb Ogos hingga 30hb Ogos, 1975.

Saya difahamkan iaitu tujuan diadakan minggu yang tersebut ini ialah pertamanya untuk meninggikan lagi imej Keretapi Tanah Melayu di kalangan orangramai; keduanya untuk membolehkan orang awam mengetahui dengan lebih dekat masalah-masalah yang dihadapi oleh Keretapi Tanah Melayu serta rancangan-rancangan yang sedang dan juga yang akan dilaksanakan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut dan akhirnya bagi menjalin perhubungan serta fahaman yang baik dan rapat antara orangramai dengan Keretapi Tanah Melayu.

Dan untuk mencapai maksud tersebut Keretapi Tanah Melayu telah memilih cogan 'Kepada Rakyat Kita Berkhidmat' sebagai asas segala acara dan semangat Minggu tersebut.

Oleh sebab perhubungan antara daerah adalah perkara penting bagi menampung segala keperluan di negara ini, saya harap dengan adanya pertemuan dan pertukaran pendapat diantara orangramai dan Keretapi Tanah Melayu, maka dapatlah kita sama-sama membaiki dan meninggikan taraf perkhidmatan yang sangat mustahak ini.

Saya ucapkan selamat mencapai segala kejayaan.

A handwritten signature in dark ink, which appears to read 'Abdul Razak Bin Hussein'. The signature is written in a cursive style.

(TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN HUSSEIN)